

**Client : TH Plantations Berhad**

**Date : 9 November 2005**

**Medium : Berita Harian**

# Dividen, bonus lebih tinggi

## Tabung Haji dijangka buat pembayaran melebihi RM482 juta tahun ini

**K**OTA BHARU: Lebih lima juta pendeposit Lembaga Tabung Haji dijangka menerima kadar dividen dan bonus tahun ini melebihi jumlah tahun lalu, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin.

Beliau berkata, pemberian dividen dan bonus meningkat berikutan keuntungan perniagaan agensi itu dalam menguruskan pemilikan aset

terbesar umat Islam yang kini menecah RM12.6 bilion.

Berucap merasmikan Kursus Haji Perdana di sini malam kelmarin, beliau berkata, Tabung Haji membekalkan kadar dividen dan bonus pada tahun kewangan berakhir tahun lalu sebanyak 4.3 peratus.

Abdullah yang dipetik Bernama, menyarankan orang ramai menabung wang mereka di Tabung Haji

mengikut kemampuan dan pengurusan akan mengeluarkan zakat pada setiap tahun.

Mengenai bilangan jemaah haji musim ini, beliau berkata, lebih 24,000 orang dijangka menunaikan haji tahun ini berdasarkan kepada kuota yang ditetapkan pihak berkuasa Arab Saudi.

Setakat ini, katanya, lebih 100,000 orang yang berdaftar dengan lem-

baga itu menunggu giliran masing-masing untuk menunaikan ibadah haji.

Beliau berharap orang ramai tidak perlu resah dengan kelewatan untuk menunaikan haji kerana negara terikat dengan peraturan dan kuota yang ditetapkan Arab Saudi.

Sementara itu, *Berita Harian* difahamkan Tabung Haji yang baru-baru ini mendapat kelulusan kerajaan

untuk menyenaraikan anak syarikatnya, Tabung Haji Plantations Berhad (THP) akan mencatat keuntungan lebih tinggi tahun ini berbanding tahun lalu.

Berdasarkan laporan kewangan agensi yang menguruskan deposit umat Islam itu tahun lalu membayar bonus dan dividen sebanyak RM482 juta kepada kira-kira lima juta pendeposit. - Bernama